

KAJIAN DABT DAN RASM AL-QURAN MSMA002 DI PUSAT MANUSKRIP MADRASAH AL-AHMADIAH: FOKUS SURAH AL-AN'AM, AL-A'RAF DAN AL-ANFAL

A STUDY OF DABT AND RASM OF THE QUR'AN (MSMA 002) AT THE MANUSCRIPT CENTRE OF MADRASAH AL-AHMADIAH: A FOCUS ON SURAH AL-AN'AM, AL-A'RAF, AND AL-ANFAL

Shafiq Khusyairy bin Syamsyury¹
Muhammad Mukhriz Zikry bin Mohd Ali²
Hasbulah bin Samad³
Abdulloh Salaeh^{4*}

¹Pelajar Pengajian Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia (E-mail: Khu_airy@raudah.usim.edu.my)

²Pelajar Pengajian Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia (E-mail: mukhriz@raudah.usim.edu.my)

³Pelajar Pengajian Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia (E-mail: hasbulahsmd@raudah.usim.edu.my)

⁴Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia (E-mail: abdulloh@usim.edu.my)

* Corresponding author: abdulloh@usim.edu.my

Article history

Received date : 9-3-2026
Revised date : 10-3-2026
Accepted date : 15-6-2026
Published date : 16-6-2026

To cite this document:

Syamsyury, S. K., Mohd Ali, M. M. Z., Samad, H., & Salaeh, A. (2026). Kajian dabt dan rasm al-Quran MSMA002 di Pusat Manuskrip Madrasah Al-Ahmadian: Fokus surah al-An'am, al-A'raf dan al-Anfal. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (83), 367 – 383.

Abstrak: Kajian ini meneliti aspek Rasm (penulisan) dan Dabt (tanda baca) dalam manuskrip al-Quran tempatan yang tersimpan di Pusat Manuskrip Madrasah al-Ahmadiyah, dengan fokus khusus kepada kod manuskrip MSMA002 melibatkan Surah Al-An'am, Al-A'raf, and Al-Anfal. Ilmu Rasm dan Dabt merupakan tunjang utama dalam pemeliharaan ketulenan mushaf al-Quran merentasi zaman. Sebagai sebuah institusi pengajian pondok yang mempunyai sejarah panjang dalam tradisi keilmuan, Madrasah al-Ahmadiyah memainkan peranan penting sebagai pusat dokumentasi warisan intelektual Islam. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif melalui kaedah analisis dokumen dan observasi fizikal terhadap naskhah manuskrip bagi memperoleh data yang holistik berkaitan ciri-ciri penulisan dan sistem tanda baca yang digunakan. Hasil kajian awal mendapati bahawa manuskrip MSMA002 mempamerkan pola penulisan kata yang unik, merangkumi aspek al-hadhf (pengguguran), al-ziyadah (penambahan), dan al-ibdal (penukaran), di samping penggunaan sistem baris dan titik yang mencerminkan pengaruh tradisi penulisan al-Quran di Alam Melayu. Keberadaan manuskrip ini bukan sahaja membuktikan ketelitian ulama terdahulu dalam menyalin kalam Allah, malah ia menyumbang kepada pemerikasaan khazanah keilmuan Islam serta kelangsungan budaya ilmu dalam masyarakat setempat. Kajian ini diharap dapat menjadi rujukan ilmiah dalam

usaha memperkenalkan serta mendokumentasikan manuskrip al-Quran tempatan secara lebih sistematik.

Kata Kunci: *Manuskrip al-Quran, MSMA002, Rasm Uthmani, Dabt, Madrasah al-Ahmadiyah, Tradisi Keilmuan*

Abstract: *This study examines the aspects of Rasm (orthography) and Dabt (vocalization/diacritical marks) in a local Quranic manuscript preserved at the Manuscript Center of Madrasah al-Ahmadiyah, specifically focusing on manuscript code MSMA002 covering Surah Al-An'am, Al-A'raf, and Al-Anfal. The sciences of Rasm and Dabt serve as the fundamental basis for preserving the authenticity of Quranic mushafs across generations. As a pondok education institution with a long history in the tradition of Islamic scholarship, Madrasah al-Ahmadiyah plays a central role as a documentation center for the intellectual heritage of Islam. This study employs a qualitative methodology through document analysis and physical observation of the manuscript to obtain holistic data regarding its writing characteristics and the system of diacritical marks used. Preliminary findings reveal that manuscript MSMA002 exhibits unique patterns of word orthography, including aspects of al-hadhf (elision), al-ziyadah (addition), and al-ibdal (substitution), alongside a system of vocalization and dotting that reflects the influence of Quranic writing traditions in the Malay Archipelago. The existence of this manuscript not only proves the meticulousness of past scholars in transcribing the words of Allah but also contributes to the empowerment of Islamic scholarly treasures and the continuity of a culture of knowledge within the local community. This study is expected to serve as a scholarly reference in the effort to introduce and systematically document local Quranic manuscripts.*

Keywords: *Quranic Manuscript, MSMA002, Rasm Uthmani, Dabt, Madrasah al-Ahmadiyah, Scholarly Tradition.*

Pendahuluan

Al-Quran merupakan mukjizat agung yang diturunkan oleh Allah SWT sebagai petunjuk dan rahmat bagi seluruh alam. Firman Allah SWT dalam Surah al-An'am:

﴿وَهَذَا كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ مُبَارَكٌ فَاتَّبِعُوهُ وَاتَّقُوا لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ﴾

Maksudnya:

Dan Al-Quran ini adalah kitab yang Kami turunkan yang diberkati, maka ikutilah dia dan bertakwalah agar kamu diberi rahmat.

(Surah al-An'am: 155)

Sejarah pemeliharaan al-Quran telah bermula sejak zaman Rasulullah SAW dan para sahabat, di mana ketulenan teksnya dijaga rapi menerusi hafalan serta penulisan (rasm) yang sangat teliti. Ilmu Rasm dan Dabt merupakan dua disiplin ilmu yang amat kritikal dalam memastikan setiap huruf dan tanda bacaan al-Quran kekal sebagaimana yang diwariskan oleh tradisi salafussoleh. Hal ini selaras dengan peranan ulama sebagai pewaris para Nabi yang memikul tanggungjawab besar dalam menerangkan dan menyampaikan ilmu kepada masyarakat. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

« إِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ ... إِنَّمَا وَرَثُوا الْعِلْمَ »

Maksudnya:

Sesungguhnya ulama adalah pewaris para nabi... sesungguhnya mereka mewarisi ilmu.

(Riwayat al-Tirmidhi)

Kajian manuskrip al-Quran di Nusantara telah berkembang pesat dalam dua dekad terakhir, dengan tumpuan kepada aspek kodikologi, filologi, dan sejarah penyalinan mushaf. Walau bagaimanapun,

penelitian khusus terhadap sistem dabt dan rasm manuskrip dari Selatan Thailand masih sangat terhad. Manuskrip MSMA002 yang disimpan di Pusat Manuskrip Madrasah al-Ahmadiyah merupakan salah satu naskhah penting yang belum dikaji secara saintifik, khususnya dari sudut pola ortografi dan

tanda bacaan dalam Surah al-An'am, al-A'raf, dan al-Anfal. Kebanyakan kajian terdahulu menekankan aspek fizikal mushaf seperti iluminasi dan bahan penulisan, tetapi kurang memberi perhatian kepada analisis mikro terhadap interaksi antara rasm Uthmani dan pengaruh lokal dalam sistem dabt. Hal ini menimbulkan kelompangan dalam pemahaman tentang bagaimana tradisi penulisan mushaf di Selatan Thailand berkembang dan beradaptasi dengan keperluan pedagogi masyarakat bukan Arab. Oleh itu, kajian ini menawarkan sumbangan baharu dengan menganalisis secara kritikal sistem dabt dan rasm dalam Surah al-An'am, al-A'raf, dan al-Anfal dalam manuskrip MSMA002. Analisis ini bukan sahaja menambah dimensi saintifik terhadap kajian manuskrip al-Quran Nusantara, tetapi juga memperkukuh dokumentasi akademik tentang tradisi penulisan mushaf di Asia Tenggara.

Dengan pendekatan ini, kajian diharap dapat memperjelas hubungan antara ortografi rasm, sistem dabt, dan konteks pedagogi tempatan, sekali gus menyumbang kepada pemahaman lebih mendalam tentang kesinambungan tradisi penyalinan mushaf di Alam Melayu. Kajian ini memfokuskan kepada naskhah manuskrip berkod MSMA002, yang merangkumi Surah al-An'am, al-A'raf, dan al-Anfal. Dokumentasi terhadap manuskrip ini amat penting memandangkan ia merupakan bukti nyata usaha para ulama dalam memperkasakan tradisi keilmuan al-Quran. Oleh itu, makalah ini bertujuan untuk menganalisis secara mendalam kaedah penulisan dan sistem tanda baca yang digunakan dalam MSMA002 bagi memastikan hubungan dengan sumber ilmu yang sah terus diperkukuh.

Pusat Manuskrip Madrasah al-Ahmadiyah di Narathiwat, Thailand, memiliki sejumlah manuskrip al-Quran yang sangat berharga dari segi sejarah dan ilmiah. Salah satu manuskrip penting di pusat tersebut adalah manuskrip dengan kode MSMA002. Sayangnya, manuskrip ini belum dianalisis secara khusus dari sudut rasm dan dabt. Kurangnya dokumentasi akademik tentang manuskrip ini membuat kita belum bisa memahami secara menyeluruh tentang ciri-ciri ortografi, pola penulisan, sistem tanda baca, dan hubungannya dengan tradisi penyalinan al-Quran di Alam Melayu.

Selain itu, penelitian sebelumnya lebih banyak membahas manuskrip al-Quran secara umum tanpa meneliti secara mendalam tentang bentuk-bentuk rasm seperti al-hadhf, al-ziyadah, al-ibdal, dan al-fasl wa al-wasl dalam manuskrip tertentu. Keadaan ini membuat kita belum bisa memahami tentang tahap pematuhan manuskrip lokal terhadap kaedah Rasm Uthmani dan kemungkinan pengaruh Rasm Imla'i yang berkembang dalam tradisi penyalinan Nusantara.

Oleh karena itu, penelitian ini dilakukan untuk menganalisis secara sistematis ciri-ciri rasm dan dabt dalam manuskrip al-Quran MSMA002, dengan fokus pada Surah al-An'am, al-A'raf, dan al-Anfal. Penelitian ini diharapkan dapat mengisi kekosongan penelitian sebelumnya dan menyumbang kepada dokumentasi saintifik manuskrip al-Quran di Selatan Thailand, serta memperkaya khazanah penelitian manuskrip al-Quran di Alam Melayu. Penelitian ini diharapkan dapat mengisi kekosongan penelitian sebelumnya dan menyumbang kepada dokumentasi saintifik manuskrip al-Quran di Selatan Thailand, serta memperkaya khazanah penelitian manuskrip al-Quran di Alam Melayu.

Sorotan Literatur

Kajian mengenai manuskrip al-Quran, khususnya dalam aspek Rasm dan Dabt, merupakan bidang yang sangat penting dalam tradisi intelektual Islam. Sejak kedatangan Islam ke Nusantara, institusi pondok telah memainkan peranan utama sebagai pusat penyebaran ilmu dan bimbingan rohani masyarakat. Perkembangan pendidikan ini mendorong para ulama untuk membina pusat pembelajaran khusus yang turut menjadi tempat penyimpanan khazanah penulisan tangan yang sangat berharga.

Keberadaan manuskrip seperti kod MSMA002 di Madrasah al-Ahmadiyah mencerminkan kesinambungan tradisi pendidikan Islam yang telah lama bertapak di wilayah terbabit. Tradisi keilmuan ini bukan sahaja menghidupkan kembali budaya ilmu tradisional, malah ia menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan komuniti Islam secara berterusan. Walau bagaimanapun, dokumentasi secara akademik terhadap naskhah-naskhah spesifik ini masih terhad, sebagaimana tokoh-tokoh ulama tertentu yang sumbangannya belum banyak didokumentasikan dalam penulisan saintifik.

Perbandingan Kritikal

Kajian terdahulu menunjukkan beberapa kecenderungan:

- **Humam & Najihah (2025)** meneliti aspek rasm manuskrip lama dari sudut kodikologi, namun tidak memfokuskan sistem dabt secara terperinci.
- **Kuswandi et al. (2024)** meneliti sejarah manuskrip al-Quran Indonesia secara umum tanpa analisis mikro terhadap pola ortografi manuskrip tertentu.
- **Satriyo & Khusniyah (2025)** pula menekankan struktur fizikal mushaf tetapi kurang membincangkan integrasi antara rasm dan dabt.

Perbandingan ini menunjukkan bahawa kajian terdahulu lebih menekankan aspek fizikal dan sejarah, sedangkan analisis saintifik terhadap sistem dabt dan rasm masih kurang diberi perhatian. Hal ini menimbulkan kelompangan dalam pemahaman tentang bagaimana tradisi penulisan mushaf di Nusantara berkembang dan beradaptasi dengan keperluan pedagogi masyarakat bukan Arab.

Selain itu, Kuswandi, Rohman, dan Muttaqien menegaskan bahawa perkembangan sistem dabt dalam manuskrip al-Quran berlaku secara berperingkat sebagai respons terhadap penyebaran Islam dalam kalangan masyarakat non-Arab. Penggunaan harakat, titik, dan simbol bacaan dilihat sebagai mekanisme penting untuk memastikan ketepatan bacaan serta mengurangi kesalahan fonetik. Meskipun penelitian ini menjelaskan evolusi sistem dabt secara umum, ia tidak meneliti bentuk dan variasi dabt dalam manuskrip tertentu di Asia Tenggara.

Berdasarkan penelitian terhadap penelitian-penelitian sebelumnya, dapat diperhatikan bahwa kebanyakan penelitian memberikan fokus pada aspek kodikologi, tekstologi, atau rasm secara

terpisah. Selain itu, sebagian besar penelitian memfokuskan pada manuskrip yang berasal dari Indonesia, sedangkan manuskrip al-Quran yang disimpan di institusi pendidikan tradisional di Selatan Thailand masih kurang mendapat perhatian akademik. Tambahan pula, belum ditemui penelitian yang meneliti secara khusus hubungan antara sistem rasm dan dabt dalam manuskrip al-Quran berkod MSMA002 yang disimpan di Pusat Manuskrip Madrasah al-Ahmadiyah.

Oleh karena itu, penelitian ini mengisi kesenjangan penelitian tersebut dengan mengaplikasikan kerangka analisis yang menggabungkan teori Rasm Uthmani dan teori Dabt al-Quran untuk meneliti manuskrip MSMA002. Melalui pendekatan ini, analisis tidak hanya fokus pada bentuk ortografi seperti al-hadhf, al-ziyadah, al-ibdal, dan al-fasl wa al-wasl, tetapi juga menilai sistem tanda bacaan yang digunakan dalam manuskrip tersebut. Pendekatan ini memungkinkan pemahaman yang lebih komprehensif terhadap tradisi penyalinan al-Quran di Selatan Thailand serta sumbangannya terhadap perkembangan manuskrip al-Quran di Nusantara.

Kerangka Teori Kajian

1. Teori Rasm Uthmani
 - al -Hadhf
 - al-Ziyadah
 - al – Ibdal
 - al – Fasl wa al-Wasl

2. Teori Dabt al-Quran
 - Harakat
 - Tanwin
 - Tasydid
 - Waqaf

Kerangka ini digunakan sebagai asas pengkodan dan analisis data manuskrip MSMA002

Kajian ini berlandaskan kerangka teori **Rasm Uthmani** yang telah dibangunkan oleh ulama klasik seperti Abu Amr al-Dani (w. 444H) dan Ibn al-Jazari (w. 833H). Empat prinsip utama rasm yang digunakan sebagai asas analisis ialah *al-hadhf* (pengguguran huruf), *al-ziyadah* (penambahan huruf), *al-ibdal* (penggantian huruf), dan *al-fasl wa al-wasl* (pemisahan dan penyambungan kata). Prinsip ini menjadi panduan dalam menilai pola ortografi manuskrip MSMA002, khususnya dalam Surah al-An'am, al-A'raf, dan al-Anfal.

Bagi sistem **dabt**, kajian ini merujuk kepada teori perkembangan tanda bacaan yang diasaskan oleh Abu al-Aswad al-Du'ali (w. 69H) serta bersandarkan kitab *al-Muḥkam fī Naqṭ al-Maṣāḥif* oleh Abu Amr al-Dani. Teori ini menekankan fungsi harakat, tanwin, tasydid dan tanda waqaf sebagai mekanisme pedagogi untuk memastikan ketepatan bacaan al-Quran, khususnya dalam konteks masyarakat bukan Arab.

Dengan menggabungkan kedua-dua kerangka teori ini, kajian dapat menilai interaksi antara ortografi rasm dan sistem dabt dalam manuskrip MSMA002 secara saintifik dan kritikal. Kerangka ini juga digunakan sebagai asas pengkodan dan analisis data manuskrip, membolehkan kajian bergerak daripada deskriptif kepada analisis saintifik yang lebih mendalam, sekaligus memperkukuh dokumentasi akademik tentang tradisi penulisan mushaf di Asia Tenggara.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan triangulasi data melalui tiga kaedah utama: analisis dokumen, observasi fizikal manuskrip, dan rujukan literatur klasik. Pendekatan ini dipilih bagi membolehkan pengkaji melakukan penelitian yang mendalam terhadap ciri-ciri teknikal rasm dan dabt yang terkandung dalam manuskrip al-Quran MSMA002.

Reka bentuk kajian

Berbentuk analisis dokumen yang memfokuskan kepada naskhah manuskrip berkod MSMA002. Data primer diekstrak secara langsung daripada teks asal Surah al-An'am, al-A'raf, dan al-Anfal. Instrumen utama kajian ialah Borang Analisis Rasm dan Dabt, yang digunakan untuk mencatat dan membandingkan perkataan tertentu dengan Mushaf Standard (Mushaf Madinah). Peralatan fotografi makro turut digunakan untuk mendokumentasikan bukti fizikal seperti dakwat, tanda baris, dan iluminasi.

Prosedur pengumpulan data

Melibatkan dua kaedah:

Penyelidikan perpustakaan untuk mengumpul maklumat sekunder berkaitan sejarah madrasah al-ahmadiyah serta teori rasm uthmani daripada kitab muktabar.

Pemerhatian lapangan di Pusat Manuskrip Madrasah al-Ahmadiyah bagi meneliti keadaan fizikal naskhah, melakukan transkripsi, serta mengenal pasti keunikan tanda bacaan.

Prosedur analisis data

Dijalankan secara berperingkat. Pada tahap identifikasi, pola penulisan kata seperti al-hadhf, al-ziyadah, al-ibdal dan al-fasl wa al-wasl dikenal pasti. Tahap perbandingan dilakukan dengan Mushaf Madinah dan kaedah Rasm Uthmani muktabar untuk menilai pengaruh dialek tempatan atau tradisi Nusantara. Tahap kesimpulan merumuskan gaya penulisan dan sistem dabt yang mendominasi manuskrip MSMA002 sebagai identiti keilmuan madrasah tersebut.

Kesahan (validiti)

Diperoleh melalui semakan pakar dalam bidang al-Quran dan manuskrip Islam, serta rujukan silang dengan Mushaf Madinah dan kitab rasm muktabar.

Kebolehpercayaan (reliability)

Dipastikan melalui analisis berulang terhadap teks manuskrip bagi mengurangkan kesilapan interpretasi.

Selain itu, kajian ini mengaplikasikan triangulasi data melalui gabungan pemerhatian langsung, analisis dokumen, dan literatur klasik. Proses pengkodan tematik digunakan dengan mengklasifikasikan bentuk rasm kepada kategori al-hadhf, al-ziyadah, al-ibdal dan al-fasl wa al-wasl, manakala sistem dabt dikodkan berdasarkan jenis harakat, tanwin, tasydid dan tanda waqaf.

Pendekatan saintifik ini membolehkan penemuan yang lebih sistematik dan sahih, serta meningkatkan kredibiliti hasil kajian. Ia juga membezakan kajian MSMA002 daripada kajian terdahulu yang lebih bersifat deskriptif, sekaligus menegaskan novelty akademik kajian ini.

Definisi Dabt Dan Rasm Al-Qur'an

Dalam tradisi penulisan mushaf al-Qur'an, pemeliharaan teks wahyu direalisasikan melalui dua elemen asas, iaitu rasm dan dabt. Rasm al-Qur'an merujuk kepada sistem penulisan khusus

Mushaf ‘Uthmani yang melibatkan kaedah ejaan, pengguguran dan penambahan huruf, serta penyambungan dan pemisahan perkataan. Rasm berfungsi sebagai mekanisme standardisasi teks yang memastikan keselarasan penulisan mushaf dengan qirā’at mutawātir serta kesinambungan autoriti teks al-Qur’an sepanjang sejarah penyalinannya (Humam & Najihah, 2025).

Manakala ḍabṭ al-Qur’an merujuk kepada sistem tanda bacaan seperti baris, sukun, shaddah dan simbol tambahan lain yang digunakan bagi menjamin ketepatan sebutan dan kefahaman bacaan al-Qur’an. Kajian manuskrip al-Qur’an kontemporari menunjukkan bahawa penggunaan ḍabṭ berkembang sebagai respon terhadap keperluan pedagogi dan penyebaran al-Qur’an dalam masyarakat bukan Arab, tanpa menjejaskan keaslian teks wahyu itu sendiri (Kuswandi, Rohman & Muttaqien, 2024).

Secara konseptual, rasm dan ḍabṭ saling melengkapi dalam pemeliharaan mushaf al-Qur’an: rasm menjaga keseragaman bentuk tulisan, manakala ḍabṭ memastikan ketepatan bacaan. Kedua-duanya mencerminkan pendekatan ilmiah umat Islam dalam memelihara al-Qur’an selaras dengan jaminan ilahi terhadap keutuhan wahyu-Nya (Surah al-Ḥijr: 9)

Perbezaan Ḍabṭ Dan Rasm Al-Qur’an

Elemen	Rasm al-Qur’an	Ḍabṭ al-Qur’an
Definisi	Sistem penulisan dan ortografi huruf dalam Mushaf ‘Uthmani, termasuk pengguguran, penambahan, penggantian huruf, serta penyambungan atau pemisahan perkataan.	Sistem tanda bacaan (harakat, sukun, shaddah, panjang pendek) dan simbol lain yang memastikan ketepatan fonetik dan bacaan al-Qur’an.
Fungsi utama	Menjaga keseragaman bentuk tulisan dan kesinambungan teks dari segi huruf dan struktur kata.	Menjamin ketepatan sebutan, kefahaman bacaan, dan memudahkan pengajaran bagi pembaca bukan Arab.

Rasm dan ḍabṭ merupakan dua komponen saling melengkapi dalam pemeliharaan al-Qur’an:

- Rasm berperanan memastikan bentuk huruf dan struktur perkataan konsisten sepanjang generasi, membolehkan teks ditransmisikan secara visual dengan tepat (Humam & Najihah, 2025).
- Ḍabṭ pula berperanan memastikan bacaan dan sebutan selaras dengan qira’at mutawātir, memudahkan pembaca bukan Arab memahami teks dengan tepat (Kuswandi, Rohman & Muttaqien, 2024).

Kedua-duanya membuktikan bahawa pemeliharaan al-Qur’an bersifat ilmiah, sistematik, dan berterusan.

Profil Pusat Manuskrip Madrasah Al-Ahmadiyah

Latar Belakang Institusi: Sejarah Madrasah Al-Ahmadiyah sebagai Pusat Keilmuan

Madrasah Al-Ahmadiyah, yang terletak di Narathiwat, Thailand, adalah salah satu institusi pendidikan Islam yang berperanan penting dalam perkembangan pendidikan agama di kawasan ini. Ditubuhkan lebih daripada seratus tahun yang lalu, madrasah ini telah menjadi pusat penyebaran ilmu Islam yang berfokus kepada pengajian al-Quran, hadis, fiqh, dan tafsir.

Sebagai pusat pendidikan tradisional yang menggunakan sistem pondok, Madrasah Al-Ahmadiyah terus memainkan peranan vital dalam mendidik generasi muda tentang nilai-nilai agama dan disiplin ilmu Islam yang mendalam.

Madrasah ini juga berfungsi sebagai pusat pemeliharaan warisan intelektual Islam, dengan menyimpan koleksi manuskrip al-Quran yang sangat bernilai. Pusat Manuskrip Madrasah Al-Ahmadiyah menyimpan lebih daripada 70 manuskrip al-Quran yang ditulis dengan tangan, serta kitab-kitab keagamaan yang telah lama wujud, yang tidak ternilai harganya. Pusat ini adalah tempat penyelidikan yang penting bagi penyelidik dan ilmuwan yang ingin memahami lebih dalam tentang perkembangan penulisan dan tradisi keilmuan Islam di Nusantara.

Kajian mengenai pusat manuskrip ini menggunakan pendekatan kualitatif, termasuk temubual dengan pengurusan madrasah dan analisis dokumen sejarah bagi memahami peranan institusi serta cabaran dalam usaha pemuliharaan manuskrip. Usaha ini memberi sumbangan akademik melalui pemeliharaan bahan warisan budaya yang menjadi sumber penting bagi penyelidikan sejarah serta kajian manuskrip di peringkat serantau.

Profil Manuskrip Al-Quran Msma002

Pengertian Manuskrip Al-Quran (MSMA002)

Akronim MSMA ialah singkatan kepada MS = manuskrip; M = madrasah dan A = al ahmadiyah.

Manuskrip al-Quran yang bernombor MSMA002 merupakan salah satu koleksi yang dipelihara di Pusat Manuskrip Madrasah Al-Ahmadiyah. Naskhah yang membawa rujukan MSMA002 ini dianggap sebagai antara mushaf al-Quran yang sangat berharga dalam bidang ilmu al-Quran. Karya kreatif ini telah dihasilkan sendiri oleh ulama tersohor, Syeikh Nuruddin al-Raniry, di kota Aceh. (Syeikh Nuruddin al-Raniry, 1641).

Kitab ini mula ditulis pada tahun 1636 Masihi dan siap ditulis pada tahun 1641 Masihi. Seni hiasan berasal dari Aceh dan diterbitkan di Eropah. Al-Quran ini menjadi kitab yang bermanfaat ditulis oleh Syeikh Nuruddin al-Raniry yang merupakan seorang ulama Islam yang masyhur di Alam Melayu. Beliau pernah menerima jawatan sebagai orang kanan Raja Iskandar Thani di Aceh yang memerintah 1636-1641M. Beliau menguasai tiga bahasa iaitu Arab, India dan Melayu. Keluarganya berhijrah dari India ke Kurunsiyathaya, Thailand. Kitab ini kini berada dalam keadaan baik. Ditulis dalam bahasa Arab menggunakan khat Thuluth dan Nasakh. Selain itu, kitab ini mempunyai kira-kira 706 muka surat. (Syed Najihuddin Syed Hassan et al. (2019).

Dari sudut fizikal, manuskrip ini mempunyai ukuran dimensi 32cm X 21cm X 8cm dengan berat mencecah 2,810 gram. Nilai intrinsik manuskrip ini terletak pada kedudukan sejarahnya yang sangat lama, di mana ia diklasifikasikan sebagai kitab tertua di wilayah Nusantara (Kepulauan Melayu). Oleh yang demikian, mushaf ini menjadi simbol yang amat penting dalam catatan tamadun Islam di rantau ini. (Syeikh Nuruddin al-Raniry, 1641)



Gambar no 1: Kulit muka hadapan dan belakang manuskrip MSMA002

Bahagian Kertas Manuskrip Al-Quran Msma002


Bahagian kertas dibuat daripada kulit kayu (mulberry paper) dan muka hadapan menggunakan kulit kambing. Dakwat pelbagai warna digunakan bagi menghiasi kitab ini manakala bahagian bingkai dengan warna emas. (Syed Najihuddin Syed Hassan et al. (2019).

Nilai Warisan & Budaya Manuskrip Al-Quran Msma002

Manuskrip Al-Quran MSMA002 mewakili salah satu khazanah intelektual Islam yang tersimpan dalam koleksi manuskrip di Selatan Thailand, khususnya Narathiwat, yang berperanan sebagai pusat warisan manuskrip Melayu-Islam. Manuskrip-manuskrip al-Quran tradisional di rantau ini mempunyai nilai warisan sejarah dan budaya yang tinggi kerana ia bukan sahaja merupakan teks suci yang ditulis tangan, tetapi juga memuatkan aspek estetika penulisan dan tradisi keilmuan setempat yang berkembang sejak ratusan tahun lalu. Artikel kajian mengenai koleksi dan migrasi manuskrip al-Quran di Selatan Thailand menunjukkan bahawa masyarakat Muslim di kawasan ini telah lama memelihara teks-teks al-Quran secara fizikal, termasuk di masjid, pusat pendidikan tradisional, dan muzium, yang mencerminkan continuity budaya Islam di komunitas Nusantara yang merentasi sempadan politik moden. (Ali Akbar (2023).














Dari perspektif warisan budaya, manuskrip seperti MSMA002 menawarkan bukti material tentang tradisi penulisan, penggunaan bahan tempatan, ragam hiasan kaligrafi, dan variasi tipografi yang disesuaikan dengan keperluan komuniti Nusantara. Kewujudan salinan al-Quran bertulis tangan ini membantu pengkaji memahami interaksi antara budaya Melayu dan tradisi Islam dalam konteks sejarah lokal, selain menunjukkan cara generasi sebelumnya menyampaikan ilmu wahyu al-Quran melalui medium tulisan. Selain itu, koleksi manuskrip al-Quran turut menjadi objek pendidikan, pedagogi agama, dan simbol identiti budaya Islam tempatan, yang terus dipelihara oleh institusi warisan seperti muzium dan pusat manuskrip di wilayah tersebut.

Oleh itu, nilai warisan & budaya MSMA002 terletak pada fungsinya sebagai sumber sejarah intelektual Islam, artefak estetika penulisan Islam, dan bukti pemeliharaan tradisi keilmuan Melayu-Islam di Asia Tenggara. Manuskrip ini bukan sekadar teks agama, tetapi juga cerminan identiti budaya dan kontinuiti tradisi ilmu yang dipelihara dan dihormati oleh generasi kini dan akan datang. (Museum in southern Thailand, The Star (2024).




Gambar no 2: Surah Al-Fatihah manuskrip MSMA002

Analisis Sistem Dabt Dan Tanda Baca Dalam Surah Al-An'am, Al-A'raf Dan Al-Anfal



















Bil	surah	Muka Surat	ayat	Tanda baca	bentuk	contoh
				1. harakat		
1	Al- An'Am	139	68	Fathah dan kasrah		
		140	71			
2	Al- A'raf	155	2			
		157	19			
3	Al- Anfal	184	4, 13		dhamah	
		185				
4	Al- An'Am	140	73			
		159		31		

6	Al- Anfal	185	2		
---	-----------	-----	---	---	---



















Harakat merupakan tanda bacaan yang diletakkan pada huruf-huruf Arab bagi menentukan sebutan yang tepat dalam pembacaan, sama ada dalam bentuk fathah, kasrah, dhammah dan tanda-tanda bacaan lain yang berkaitan. Fungsi utama harakat adalah untuk memelihara ketepatan lafaz serta mengelakkan berlakunya kesalahan sebutan, khususnya dalam teks al-Quran. Dalam manuskrip MSMA 002, sistem penggunaan harakat menunjukkan pematuhan yang jelas terhadap konsep penandaan bacaan yang telah diperkenalkan oleh para sarjana ilmu qiraat dan rasm al-Quran. Tanda dhammah dalam manuskrip ini ditulis dalam bentuk huruf waw kecil yang diletakkan di atas huruf, selaras dengan tradisi penulisan mushaf klasik. Sementara itu, tanda fathah dan kasrah pula direpresentasikan dalam bentuk garis kecil yang condong, di mana fathah diletakkan di atas huruf dan kasrah di bawah huruf (Ibn al-Jazari, 1999; Abi ‘Abd Allah, 2000). Dari sudut fonetik dan sistem bunyi bahasa Arab, baris dhammah melahirkan bunyi vokal “u”, baris fathah menghasilkan bunyi “a”, manakala baris kasrah membentuk bunyi “i”. Kejelasan penggunaan harakat dalam manuskrip MSMA 002 ini membuktikan perhatian penyalin terhadap aspek ketepatan bacaan serta usaha memudahkan pembacaan al-Quran bagi pembaca pada zamannya.



Gambar No 3: Surah Al- A’raf, Muka Surat 155

Bil	surah	Muka Surat	ayat	Tanda baca	bentuk	contoh
				1. Tanwin		
1	Al- An'Am	139	70	Tanwin di atas		
2	Al- A'raf	155	3			
3	Al- Anfal	183	2			
4	Al- An'Am	141	83	Tanwin dibawah		
5	Al- A'raf	156	7			
6	Al- Anfal	185	12			
7	Al- An'Am	139	67	Tanwin didepan		
8	Al- A'raf	155	4			
9	Al- Anfal	184	4			

Bentuk tanwim ditulis sama dengan harakat tetapi mempunyai dua garis atau bentuk secara bertindih. Sebagai contoh 2 garis miring kecil diatas atau dibawah huruf untuk menunjukkan tanda baca fathah dan kasrah, manakala bentuk waw kecil secara berlintang antara satu sama lain atau bentuk (69) kecil bagi tanda dhammah. Setelah membuat kajian, penulisan tanwim bagi manuskrip MSMA002 bertetapan dengan tanwim yang di gunakan dalam Rasm Uthmani.

Bil	surah	Muka Surat	ayat	Tanda baca	bentuk	contoh
				1. Sabdu		
1	Al-An'am	139	69	Sabdu (Tasydid) harakat diatas		
2	Al-A'raf	156	10			
3	Al-Anfal	183	1			
4	Al-An'am	139	70	Sabdu diatas huruf dan harakat dibawah huruf		
5	Al-A'raf	156	17			
6	Al-Anfal	183	2			
7	Al-An'am	140	73	Baris dhammah di atas tasydid		
8	Al-A'raf					
9	Al-Anfal	184	6			

Dalam jadual diatas, kedudukan tanda sabdu terletak di atas dan berdekatan dengan huruf. Tanda harakat fathah dan dhamah terletak diatas tanda sabdu manakala bagi harakat kasrah akan berada di bawah huruf dan tanda sabdu akan berada di atas huruf.

Analisis Ciri-Ciri Rasm (Uthmani / Imla'i) Dalam Surah Al-Imran, An'nisa Dan Al-Ma'idah

Kajian terhadap manuskrip MSMA002 bagi Surah al-An'am, al-A'raf, dan al-Anfal mendedahkan satu pola penulisan yang harmoni antara pematuhan disiplin Rasm Uthmani dan pengaruh Rasm Imla'i. Secara umumnya, manuskrip ini mengekalkan kerangka utama ortografi Uthmani yang menjadi standard penulisan wahyu, namun terdapat kecenderungan penulis untuk memasukkan unsur Imla'i pada kalimah-kalimah tertentu. Fenomena ini sering dikaitkan dengan tradisi penyalinan di Alam Melayu yang berfungsi sebagai alat pedagogi bagi memudahkan masyarakat setempat mengenal pasti sebutan dan struktur kata tanpa mengubah makna asal teks tersebut.

Dalam Surah al-An'am, ciri rasm yang paling menonjol ialah aspek Al-Hadhf (pengguguran huruf alif). Walaupun sebahagian besar teks mengikuti kaedah pengguguran alif tengah (alif khanjariyyah), terdapat beberapa keadaan di mana penulis mengekalkan alif zahir (Imla'i) pada kata kerja atau kata nama tertentu. Perbandingan ini menunjukkan bahawa penyalin MSMA002 tidak terikat secara kaku kepada satu mushaf rujukan, sebaliknya mencerminkan kepelbagaian sumber rujukan yang wujud di Nusantara pada abad ke-17.

Bagi Surah al-A'raf dan al-Anfal, analisis memfokuskan kepada aspek Al-Ibdal (penukaran huruf) dan Al-Fasl wa Al-Wasl (pemisahan dan penyambungan kata). Penulis MSMA002 dilihat sangat teliti dalam mengekalkan bentuk badl seperti penggunaan huruf wau bagi menggantikan alif dalam kalimah-kalimah solat dan zakat, yang merupakan identiti kuat Rasm Uthmani. Namun, dalam aspek penyambungan kata seperti pada partikel "An" dan "Ma", terdapat variasi di mana penulis kadangkala memilih ejaan terpisah (Imla'i) yang lebih mesra pembaca pemula, berbanding ejaan bersambung yang lazim dalam Mushaf standard masa kini.

Analisis Perbandingan Penulisan: MSMA002 dan Mushaf Rasm Uthmani Standard

Bagi memperkuat analisis yang kritis, kajian ini juga menilai seberapa besar pengaruh metode Rasm Uthmani dan unsur Rasm Imla'i dalam manuskrip MSMA002 berdasarkan data yang dianalisis dari Surah al-An'am, al-A'raf, dan al-Anfal. Hasil analisis menunjukkan bahwa unsur Rasm Uthmani masih mendominasi sebagian besar penulisan manuskrip, terutama dalam aspek al-ibdāl dan struktur kata dasar yang menjaga bentuk tradisional mushaf. Namun, unsur Rasm Imla'i juga hadir secara konsisten, tetapi dalam jumlah yang lebih terbatas, terutama dalam bentuk pemeliharaan alif zahir, pemisahan kata, serta variasi ejaan yang bertujuan pedagogis. Secara keseluruhan, pengamatan terhadap data menunjukkan bahwa unsur Rasm Uthmani lebih dominan dibandingkan unsur Imla'i. Namun, kehadiran unsur Imlā'ī tidak harus dianggap sebagai kesalahan, melainkan sebagai strategi penyalinan yang berfungsi untuk memudahkan bacaan dalam konteks pendidikan pondok. Temuan ini juga menunjukkan bahwa manuskrip MSMA002 tergolong dalam kategori hibrid ortografi, yaitu gabungan antara tradisi rasm klasik dan adaptasi lokal. Fenomena ini berbeda dengan beberapa manuskrip rujukan lain di Nusantara yang lebih cenderung mengikuti Rasm Uthmani tanpa variasi pedagogis, sehingga menunjukkan ciri khas tradisi penyalinan di Selatan Thailand. Meskipun kajian ini tidak menggunakan perhitungan statistik yang rinci, analisis manual menunjukkan pola konsisten dalam data manuskrip.

Penemuan Pola Penulisan Kata-Kata Tertentu dalam Surah Al-An'am, Al-A'raf, dan Al-Anfal

Dalam manuskrip MSMA 002, terdapat pola penulisan yang menarik dan kaya dengan kaedah-kaedah klasik yang digunakan dalam Rasm Uthmani. Beberapa aspek yang ditemui dalam manuskrip ini meliputi:

- Al-Hadhf (Pengguguran): Dalam beberapa ayat di Surah al-An'am, al-A'raf, dan al-Anfal, kita dapat melihat bagaimana huruf-huruf tertentu digugurkan untuk menyesuaikan teks dengan aturan bahasa Arab yang lebih klasik, tanpa mengubah maksud ayat tersebut. Pengguguran ini biasanya dilakukan pada huruf-huruf yang dianggap tidak perlu bagi memastikan kefasihan bacaan.
- Al-Ziyadah (Penambahan): Penambahan beberapa huruf juga terdapat dalam teks manuskrip ini untuk menjaga kesinambungan makna dan mengelakkan sebarang tafsiran yang boleh merosakkan makna asal. Sebagai contoh, penambahan huruf di pertengahan kata untuk memperjelas makna atau untuk memenuhi syarat-syarat bacaan yang sah.
- Al-Ibdal (Penukaran): Terdapat beberapa contoh di mana huruf-huruf tertentu digantikan dengan huruf lain untuk tujuan kesesuaian dengan bacaan Tajwid yang tepat. Ini adalah satu teknik penting dalam penulisan al-Quran yang memastikan makna tidak berubah meskipun bentuk penulisannya sedikit berbeza.

Perbandingan: Sejauh Mana Rasm Dalam Manuskrip Ini Menepati Kaedah Rasm Uthmani yang Muktabar

Penulisan dalam MSMA 002 sangat mendekati dan menepati Rasm Uthmani yang menjadi kaedah standard dalam penulisan al-Quran. Setiap huruf dipilih dengan teliti dan diletakkan pada kedudukan yang sesuai. Sebagai contoh, penggunaan alif mad dan waw mad yang digunakan dalam manuskrip ini adalah sangat konsisten dengan kaedah Rasm Uthmani. Begitu juga dengan penggunaan huruf lam alif yang memastikan ketepatan bacaan.

Manuskrip ini juga menampilkan beberapa elemen lain yang menunjukkan kesan pengaruh Rasm Uthmani dan Imla'i, yang keduanya digunakan untuk memperjelas penulisan dan mengekalkan ketepatan bacaan al-Quran. Perbandingan dengan manuskrip lain yang menggunakan Rasm Uthmani menunjukkan bahawa MSMA 002 sangat setia pada kaedah tersebut.

Analisis Sistem Dabt Dan Tanda Baca

Sistem Baris dan Titik: Penggunaan Warna Dakwat atau Bentuk Simbol untuk Baris (Harakat) dan Titik Huruf (Nuqath al-I'jam)

Sistem Dabt dalam MSMA002 menggunakan warna dakwat yang berbeza untuk membezakan tanda baca dan titik huruf. Sebagai contoh, Fathah ditandakan dengan dakwat merah terang, sementara Kasrah dan Dammah ditandakan dengan warna hitam atau biru. Penggunaan warna ini tidak hanya berfungsi untuk memperjelas bacaan, tetapi juga memberikan nilai estetika kepada manuskrip tersebut.

Titik pada huruf ba dan ta juga digambarkan dengan teliti, menggunakan simbol khas yang memudahkan pembaca untuk mengenali huruf tersebut dengan tepat. Penambahan titik ini adalah sangat penting kerana dalam tulisan Arab, titik memainkan peranan utama dalam membezakan antara huruf yang serupa bentuknya, seperti ba dan ta.

Tanda Waqaf dan Tajwid: Keberadaan Tanda-Tanda Berhenti atau Hiasan (Illuminasi) pada Permulaan Surah

Tanda waqaf di MSMA002 sangat penting kerana ia menandakan tempat berhenti yang tepat untuk pembaca. Tanda waqaf ini membantu pembaca untuk memahami konteks ayat dengan lebih baik dan menjaga kelancaran bacaan. Beberapa surah, terutama Surah al-Anfal, dilengkapi dengan elemen hiasan atau illumination yang menunjukkan permulaan surah. Hiasan ini menambah keindahan visual pada manuskrip dan memberikan petunjuk kepada pembaca bahawa surah baru sedang bermula.

Impak Dan Kepentingan Manuskrip Msma002 Terhadap Tradisi Keilmuan

Manuskrip MSMA002 memberikan maklumat yang signifikan berkaitan sejarah penyalinan al-Quran serta tradisi keilmuan Islam yang berkembang di Selatan Thailand. Kedudukannya dalam koleksi Madrasah Al-Ahmadiyah membuktikan bahawa mushaf Al-Quran bukan sekadar teks suci untuk bacaan ritual, malah merupakan instrumen kritikal dalam transmisi pelbagai disiplin ilmu merangkumi ilmu Qira'at, Rasm, Dabt, serta linguistik Arab di institusi pondok tradisional. Kelestarian manuskrip ini mencerminkan dinamisme budaya penyalinan dan pemeliharaan Al-Quran yang telah berakar umbi di Nusantara sejak berabad lamanya.

Dari perspektif epistemologi, MSMA002 menawarkan dimensi baharu dalam memahami evolusi penulisan Al-Quran di Alam Melayu. Ia mendedahkan bagaimana para ulama tempatan mengadaptasi standard Rasm Uthmani dengan sentuhan kearifan tempatan menerusi analisis filologi dan kodikologi. Penemuan ini menegaskan bahawa masyarakat Islam Nusantara bukan sekadar pengguna teks secara pasif, sebaliknya bertindak sebagai agen aktif yang menyaring, menyalin, dan mewariskan metodologi keilmuan Al-Quran secara sistematik. Oleh itu, MSMA002 diangkat sebagai sumber primer yang sangat berautoriti dalam memetakan sejarah intelektual Islam di rantau ini.

Seterusnya, kepentingan MSMA002 tercermin melalui fungsinya sebagai jambatan akademik kontemporari. Melalui inisiatif dokumentasi dan penyelidikan saintifik yang dipacu oleh Pusat Manuskrip Madrasah Al-Ahmadiyah, naskhah ini telah bertransformasi daripada khazanah arkib yang statik kepada objek kajian saintifik yang dinamik. Kajian terhadap manuskrip ini membuka ruang kepada penyelidikan lanjut dalam bidang manuskrip al-Quran, khususnya yang berkaitan dengan aspek rasm, dabt dan tradisi penyalinan al-Quran di Alam Melayu.

Secara tuntasnya, manuskrip MSMA002 memiliki impak yang mendalam kerana ia bukan sahaja menjamin kelangsungan pengajian Al-Quran secara tradisional, malah berfungsi sebagai testimoni material terhadap ketamadunan Islam tempatan yang terus relevan dalam arus perdana penyelidikan warisan dunia.

Kesimpulan

Berdasarkan analisis terhadap manuskrip MSMA002, kajian ini mendapati bahawa manuskrip tersebut merupakan salah satu contoh terbaik dalam pemeliharaan teks al-Quran melalui penggunaan Rasm Uthmani dan sistem Dabt. Penerapan Dabt yang teliti serta konsistensi Rasm Uthmani dalam manuskrip ini memastikan ketepatan bacaan al-Quran dan mengurangkan risiko tafsiran yang salah.

Selain itu, MSMA002 memberikan sumbangan signifikan kepada bidang kajian ilmiah berkaitan tradisi penulisan al-Quran di Nusantara. Manuskrip ini merupakan warisan intelektual yang bernilai tinggi, dan usaha-usaha pemeliharaannya, termasuk digitalisasi, adalah kritikal bagi memastikan kesinambungan warisan ini kepada generasi akan datang.

Kajian lanjut terhadap MSMA002 dan koleksi manuskrip lain di Pusat Manuskrip Madrasah Al-Ahmadiyah dijangka akan memperkukuh pemahaman mengenai tradisi penulisan al-Quran serta memperkasa pemeliharaan warisan keilmuan dalam kalangan masyarakat Islam.

SENARAI RUJUKAN

- القرآن الكريم
ابن الجزري، أحمد. (1999). النشر في القراءات العشر. بيروت: دار الكتب العلمية؛ دمشق: دار القلم.
- Abd Muhaimin bin Ahmad. (2021). Perbezaan Di Antara Mushaf-Mushaf Al-Quran: Sorotan Terhadap Aspek Ilmu Dhabt Al-Quran. *Ma'ālim Al-Qur'ān Wa Al-Sunnah*, 17(2), 45–57. <https://doi.org/10.33102/jmq.s.v17i2.315>
- Abi Abd Allah Muhammad bin 'Abdullah al-Tanassi, Al-Tiraz di Dabt al-Kharraz, (Madinah al Munawarah: Majma 'al-Malik Fahd li Taba'ah al-Mushaf al-Sharif, 2000).
- Ali Akbar (2023). Manuskrip al-Qur'an di Thailand Selatan, Suhuf: International Journal of Islamic Studies. https://www.researchgate.net/publication/293097563_Metodologi_Pengumpulan_Data_dalam_Penyelidikan_Kualitatif
- al-Dani, 'Uthman bin Sa'id (t.t). al-Muqni' fi Rasm Masahif al-Amsar. Kaherah: Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah.
- Humam, A. W. K., & Najihah, V. T. (2025). Manuskrip Mushaf al-Qur'an Kertas Kuno (MMKK-A): Kajian Kodikologi dan Rasm Berkaidah Hamzah. *Studia Quranika*.
- Jasmi, K. A. (2012, January). *Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif*. ResearchGate.
- Kuswandi, D., Rohman, A., & Muttaqien, G. A. (2024). The Quran Manuscripts in Indonesia: A Historical Review. *Suhuf: International Journal of Islamic Studies*.
- Magfiroh, B. A., & Muttaqin, Z. (2025). Aspek Kodikologi dan Tekstologi Manuskrip Nusantara: Studi Kasus Mushaf Al-Qur'an Mbah Ismail. *Canonia Religia*.
- Museum in southern Thailand is a treasure trove of Malay heritage, *The Star* (2024).
- Rafly, M. (2026). Inkonsistensi Rasm Al-Qur'an dalam Manuskrip Nusantara: Antara Kaidah Utsmāni dan Tradisi Imlā'i. *IMTIYAZ*.
- Satriyo, A. B., & Khusniyah, A. (2025). Analisis Kodikologi dan Tekstologi Manuskrip Mushaf Al-Qur'an Mbah Syatawi Kudus. *Ulumul Qur'an*.
- Sholihah, L., & Mustakim, M. (2022). The Dynamics of Rasm Uthmani and Rasm Imla'i in Qur'anic Manuscripts. *Al-Furqan: Jurnal Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir*.
- Syed Najihuddin Syed Hassan et al. (2019). Madrasah al-Ahmadiyah al-Islamiah di Narathiwat, Thailand dan Koleksi Al-Quran: Satu Kajian Deskriptif. *Journal of Fatwa Management and Research (JFatwa)*.
- Syed Najihuddin Syed Hassan et al. (2024). Pusat Manuskrip Madrasah Al-Ahmadiyah al-Islamiah di Narathiwat Thailand: Kajian Bibliometrik Terhadap 70 Manuskrip al-Qur'an. *International Journal of Heritage, Art and Multimedia (IJHAM)*.
- Syeikh Nuruddin al-Raniry, *Mushaf al-Quran 002 MSMA*, Pusat Manuskrip Sekolah al-Ahmadiyyah, Aceh, 1636–1641M.
- Vika Madinatul Ilmi & Siti Fahimah (2021). Comparative Study between Uthmāni Script and Imlā'i Script in Qur'anic Manuscripts. *Al-Itqān: Jurnal Studi Al-Qur'an*.